

11/01/2002

Ketidaktentuan tukaran mata wang perlu ditangani: PM

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketidaktentuan kadar tukaran mata wang yang menjejaskan perniagaan antarabangsa dan menghapuskan keuntungan, perlu ditangani bagi membolehkan peniaga menjalankan perdagangan lebih yakin.

Perdana Menteri berkata, kadar tukaran mata wang harus stabil bagi menjamin keuntungan dan tidak bertukar menjadi kerugian semata-mata kerana seseorang memporakperandakan kadar berkenaan.

"Mungkin, dunia boleh mengkaji semula sistem kewangan antarabangsa supaya ahli perniagaan kurang terdedah kepada risiko kadar pertukaran dalam urus niaga mereka," katanya ketika berucap selepas menerima wang kertas kenangan euro daripada duta negara Kesatuan Eropah (EU) di Malaysia di pejabatnya di sini hari ini.

Duta Sepanyol ke Malaysia, Alvaro Iranzo Gutierrez, yang juga pengerusi semasa EU di Malaysia, menyampaikan mata wang baru itu kepada Perdana Menteri bagi pihak EU.

Ketua misi lain yang hadir termasuk duta Austria, Denmark, Perancis, Itali, Finland, Jerman, Sweden, Belanda, United Kingdom, Ireland, Luxembourg, pegawai Suruhanjaya EU Vasilis Bontosoglou dan Kaunselor Ekonomi Sepanyol, Jaime Montalvo.

Semua negara EU kecuali United Kingdom, Sweden dan Denmark mula menggunakan wang kertas dan duit syiling euro sejak 1 Januari lalu.

Dr Mahathir berkata: "Sekiranya kita lebih mengambil berat terhadap (kestabilan) kadar tukaran wang, perdagangan antarabangsa akan meningkat kerana kos dagangan akan berkurangan berikutan keperluan lindung nilai yang lebih kecil."

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ketika ini, sebarang idea mengubah kerangka kewangan antarabangsa bagi membendung spekulasi dan mengurangkan risiko kadar tukaran wang akan ditentang pihak tertentu.

Berikutan itu, katanya, ia berakhir dengan kes seperti yang berlaku di Argentina.

Beliau berkata, satu mekanisme bagi menentukan kadar tukaran wang sepatutnya wujud sejak dulu supaya sebarang perubahan yang berlaku berdasarkan alasan yang boleh diterima.

(END)